



PERBINCANGAN RAKYAT DEMI MELAYU

SIRI 1/2021

**TAJUK:
KEWANGAN: MEKANISMA PENCIPTAAN WANG
OLEH SEKTOR BANK PERDAGANGAN**

Panel:

**TUAN HELMI SHAFANDY BUHOLLIA
PROF. DATO' AHAMED KAMEEL MYDIN MEERA
DATO' NADZIM JOHAN
DATO' ABDUL MANAP ABDUL WAHAB**

Ditranskrip Oleh:

NUR ARIFAH BINTI MOHD DIN

Disunting Oleh:

NUR ARIFAH BINTI MOHD DIN

Terbitan:

GABUNGAN DEMI MALAIU

Rakyat Derita, Bank Untung Atas Angin?

Durasi: 3:54:27

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (14:51 – 33:03)

Assalamualaikum wbt. Bismillahirrahmanirrahim. (doa pembuka bicara) Assalamualaikum sekali lagi dan salam sejahtera saya ucapkan buat hadirin. Biar saya kongsi slaid saya dahulu. Okey. Hari ini saya menceritakan “Hubung Kait Riba, Penciptaan Wang dan Kemunduran Ekonomi Ummah”. Apabila kita bercakap mengenai institusi perbankan, berkait rapat dengan penciptaan wang dan sudah tentu riba. Ia berkait rapat dengan riba dan sebagainya. Sistem monetari yang berasaskan riba dan cara wang dicipta menyebabkan kemunduran sejumlah besar masyarakat kita pada hari ini khususnya umat Islam baik di negara kita ataupun di seluruh dunia. Jadi, di sini saya akan kongsi sedikit masalah yang melanda dan kesan kepada masyarakat dan negara, sejarah bagaimana riba memasuki Tanah Melayu dan juga penyelesaian. Jika kita melihat kepada individu, rata-rata individu sekarang mengeluh, rumah semakin mahal, hutang yang banyak, tidak mampu membeli rumah, rumah sekarang hanya mampu tengok, bukan lagi mampu beli. Dengan hutang yang banyak, hutang rumah, hutang kereta, hutang PTPTN, hutang kad kredit, hutang peribadi dan sebagainya, ditambah pula dengan keadaan COVID-19 sekarang, ada yang hilang pekerjaan, macam mana hendak bayar? Jadi, sistem monetari yang berlandaskan riba menyebabkan keadaan ini berlaku. Lebih-lebih lagi, kalau kita melihat kepada golongan yang akan bersara tidak lama lagi. Rata-rata mempunyai KWSP. Mereka hanya mempunyai tiga tahun sahaja wang simpanan untuk mereka bersara. Maknanya, selepas tiga tahun, duit sudah habis. Mungkin terpaksa bekerja semula. Jadi, masalah-masalah ini memberikan gangguan, tekanan. Apabila tertekan, sudah tentu masalah kesihatan akan berlaku. Apabila tertekan juga, satu lagi yang akan berlaku ialah masalah psikologi, dalam rumah tangga contohnya, anak-anak yang akan terabai. Ini dari sudut individu. Sekarang kita melihat kepada perniagaan pula. Bagaimana dari sudut perniagaan? Sekarang, disebabkan COVID-19 ini lagi teruk. Bisnes sudah semakin perlahan. Ekonomi sekarang meleset. Kebanyakan perniagaan juga mempunyai hutang yang banyak. Hutang yang banyak, bisnes tiada, hendak mempertahankan perniagaan, pinjaman pun tidak dapat. Apatah lagi untuk membuat

bisnis-bisnis baru, sukar untuk mendapatkan pinjaman. Bagaimana pula dengan kerajaan? Kita melihat kerajaan sekarang. Kita tahu bahawa hutang kerajaan semakin bertambah. Disebabkan ekonomi yang terhenti ketika COVID-19, apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah meminjam. Jadi, hutang kerajaan semakin bertambah, pemberian defisit telah menjadi satu keperluan, hendak memberikan subsidi kepada rakyat apatah lagi. Ditambah pula dengan masalah COVID-19 ini, pengangguran rakyat juga semakin tinggi. Hendak membina sekolah baharu, jambatan baharu, semua terpaksa ditangguhkan disebabkan masalah ekonomi yang melanda sekarang. Ada dua lagi perkara penting. Perkara yang jarang-jarang kita perkatakan ialah populasi. Di sesetengah negara, contohnya di Singapura, Korea Selatan, Jepun dan kebanyakan negara Eropah, populasi mereka semakin menurun. Ini menjadi masalah sebenarnya kepada negara untuk menjamin kestabilan, keharmonian, kesihatan negara tersebut disebabkan berkurangnya populasi mereka itu. Di negara kita pula, disebabkan ketinggalan ekonomi, terutamanya masyarakat kita, kuasa politik semakin terhakis sedikit demi sedikit. Jika tidak ditangani, ia akan menjadi sesuatu yang amat berbahaya pada masa hadapan. Kita lihat harga rumah di Malaysia sekarang. Ini indeks yang kita dapat daripada laman web FRED. Pada tahun 2020, indeks telah mencecah lebih 160. Berdasarkan data yang kami peroleh daripada Institut Khazanah Negara, pada tahun 2016, kebanyakan rakyat Malaysia secara puratanya serius tidak mampu. Ini kita bercakap tentang majoriti. Sudah tentu ada golongan yang cakup masih mampu. Kita bercakap tentang majoriti, kebanyakan rakyat kita sudah tidak mampu. Ini laporan tahun 2016. Kalau kita melihat pada tahun 2016, indeks ialah 120. Sekarang sudah menjadi lebih daripada 160, mungkin sudah menjadi 170. Jadi, dengan indeks harga rumah yang bertambah, sudah tentu kita sekarang telah berada pada tahap amat tidak mampu untuk kebanyakan rakyat kita memiliki rumah. Hanya sekadar mampu tengok. Ini semua disebabkan oleh inflasi, iaitu pertambahan jumlah wang melebihi pertumbuhan ekonomi yang sebenar. Jumlah wang yang dalam kitaran adalah dilihat melalui garisan ini. Dari apa yang kita rekodkan, ia akan bergerak secara menegak. Nilai ekonomi yang sebenar pula adalah mendatar. Tidak sama. Jadi, jurang antara jumlah wang dalam kitaran dengan nilai ekonomi sebenar yang menyebabkan inflasi, gelembung ekonomi dan juga pertambahan jurang antara yang kaya dengan yang miskin termasuklah harga rumah. Kita melihat secara keseluruhan negara dari segi masyarakat, dari segi ekonomi negara, inflasi, jurang pendapatan, harga rumah di luar kemampuan. Bagaimana dengan masyarakat? Apabila

masyarakat semakin stres, semakin terdesak, apa yang mereka akan lakukan? Jenayah. Ini akan mengganggu keselamatan kebanyakan masyarakat. Jadi, sebab itu sesetengah kita telah membuat rumah macam penjara, untuk menjaga keselamatan tetapi akar umbinya tidak dikenal pasti. Bagaimana pula dengan alam sekitar? Pencemaran, kemusnahan ekosistem. Amat menyedihkan. Dari segi politik, kalau kita melihat sejarah, disebabkan ekonomi juga berlakunya peristiwa 13 Mei, ketegangan antara kaum. Kemudian, mungkin konflik dan juga peperangan. Semakin lama mungkin akan hilang kedaulatan. Contohnya, apabila banyak berhutang dengan negara luar, akhirnya terpaksa tunduk dengan kemahuan mereka. Kalau kita perlu tunduk dengan kemahuan mereka, maknanya kita sudah tidak berdaulat lagi. Kita bercakap juga tentang populasi. Populasi semakin menguncup, masyarakat semakin tua. Apabila masyarakat semakin tua, tenaga buruh baharu untuk menggantikan masyarakat yang semakin tua sudah berkurangan. Jadi, ini juga akan menyumbang kepada masalah negara. Saya ceritakan tadi seperti di Singapura. Ini kenyataan bekas Perdana Menteri mengenai apa yang diakui beliau dalam buku yang ditulisnya. Beliau bertanya, adakah dapat negara di dunia ini yang maju dan makmur dengan populasi yang semakin berkurangan? Ini masalah yang mengancam kewujudan Singapura. Beliau sudah *give up*. Beliau tidak dapat menyelesaikan masalah ini. Beliau mengaharapkan generasi-generasi baharu pula yang dapat mencari jalan penyelesaian. Beliau juga merumuskan Singapura akan gulung tikar jika rakyatnya tidak beranak tetapi beliau tidak mengaitkan dalam bukunya tentang isu riba. Jika beliau nampak isu riba ini, mungkin beliau sendiri boleh mencari jalan penyelesaiannya. Dari sudut dunia, kita lihat sekarang ini, 10 orang yang terkaya di dunia, lapan jumlah kekayaan mereka sahaja sudah bersamaan dengan tiga bilion penduduk dunia, iaitu separuh kekayaan dunia. Disebabkan apa? Disebabkan sistem ekonomi yang diguna pakai sekarang ini. Sekarang kita berkongsi sedikit mengenai bagaimana riba memasuki Tanah Melayu. Kita tahu dari awal abad ketujuh, bagaimana pedagang Arab datang berdagang di negara kita, mereka juga membawa Islam. Pada masa itu, apa wang yang digunakan oleh mereka? Wang perak dan wang emas. 20 gram perak dan kupang emas Kelantan. Kalau melihat pada tulisan di sini, ini asal ringgit. Satu ringgit dahulu adalah bersamaan 20 gram perak tulen dan satu dirham ialah tiga gram perak. Secara sejarahnya, dibuat kajian, tiga gram perak boleh membeli seekor ayam. 20 gram lebih kurang ada enam dirham dalam satu ringgit dahulu. Jadi, maknanya, jika wang ini masih diguna pakai sehingga hari ini, kita boleh membeli enam ekor ayam. Jumlah nilai sekarang, 20 gram ini bersamaan dengan RM60. Jadi, lebih kurang. Maknanya, nilai itu

kekal dalam duit. Tetapi apabila British datang ke Tanah Melayu, mereka membuka penempatan di Pulau Pinang dan menjadikan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sebagai *state settlement*. Mereka menubuhkan dua bank yang terawal, seawal tahun 1860-an, Hong Kong Bank dan Chartered Bank. Apabila mereka membuka bank, apa yang dilakukan oleh mereka? Mencetak duit sahaja. Lihat di sini. 10 000 ringgit. Dengan hanya mencetak duit kertas, mereka sudah membeli kekayaan di Tanah Melayu. Mereka sudah berkuasa dan mula melakukan pelbagai cara untuk meneruskan kekuasaan. Kemudian, mari kita melihat kepada rentetan peristiwa di Tanah Melayu. Apabila sudah berkuasa, mereka mula membawa sejumlah besar imigren China ke Tanah Melayu. Pada tahun 1912, Bank OCBC ditubuhkan. Bank ini memang khas untuk orang-orang Cina. Pada tahun 1947, seorang peguam, Allahyarham Maarof Zakaria, beliau nampak kalau orang Cina ada banknya, kenapa tidak ada bank untuk orang Melayu. Jadi, beliau menubuhkan Malay National Bank. Tetapi malangnya, selepas beberapa bulan penubuhan bank ini, beliau telah mati dibunuh. Ada keratan akhbar yang saya kongsi. Ditulis di sini, “Kematian dipercayai ada kaitan komplot gagalkan bank Melayu.” Selepas beliau dibunuh, terus Malay National Bank berkubur dan sampai sekarang, kita tidak ada bank yang khusus untuk orang Melayu di Malaysia. Selepas itu, berlakulah rusuhan 13 Mei disebabkan masalah ekonomi. Kemudian, kerajaan terpaksa melancarkan Dasar Ekonomi Baru. Pada tahun 1974, Bank Simpanan Nasional ditubuhkan yang merupakan bahagian simpanan daripada pejabat pos. Sebelum tertubuhnya Bank Simpanan Nasional, pegawai kerajaan terpaksa berbaris di pejabat pos untuk mendapatkan gaji mereka pada setiap bulan. Hanya selepas tahun 1974, barulah orang kita mula mempunyai akaun bank dan mula terlibat secara aktif dalam ekonomi. Apabila ada akaun bank, sudah boleh meminjam. Kalau kita melihat kepada graf ini, bank pertama ditubuhkan pada tahun 1860 di Tanah Melayu. Kemudian, pada tahun 1970-an, baru orang kita terlibat. Jadi, wang dan kekayaan penerima awal akan terus meningkat. Kita melihat pada graf ini, contohnya, akan terus meningkat. Kita pada tahun 1970-an baru hendak mengejar, sudah lama tercicir. Satu abad dinafikan kewangan. Ada orang kata kita tidak pandai berniaga tetapi sebenarnya kita perlu melihat dari sudut ini juga. Contohnya, kita hendak lumba lari. Kalau kita sudah jauh ketinggalan, memang sukar untuk kita mengejar. Jadi, kita kena melihat dari sudut itu juga. Apa yang berlaku, kebanyakan mereka yang mendapat wang yang terawal telah membeli harta-harta penting di bandar-bandar besar. Jadi, apa yang berlaku kepada orang Melayu, terpaksa berhijrah, dihalau dari kawasan bandar. Sekarang, orang kita sudah kembali ke

bandar-bandar tetapi sebagai pekerja sahaja, bukan pemegang harta-harta penting. Mari kita melihat bekalan wang di Malaysia secara sejarah. Berdasarkan statistik daripada Bank Negara yang kami kumpulkan, pada tahun 1986, bekalan wang kita hanya lebih kurang RM14 juta tetapi pada tahun tersebut, KDNK kita ialah tiga atau empat kali ganda daripada bekalan wang. Maknanya, ekonomi sebenar lebih tinggi daripada bekalan wang. Kemudian, pada tahun 1996, masih lagi bekalan wang sedikit tetapi ekonomi kita rancak. Wang berkitar dengan lajunya menghasilkan banyak aktiviti ekonomi. Tetapi bermula pada tahun 2015, keadaan telah *reverse*, sudah terbalik. Maknanya, sekarang bekalan wang semakin banyak, KDNK semakin kurang. Seinggalah pada tahun 2018, bekalan wang sudah menjadi hampir dua kali ganda daripada nilai ekonomi sebenar. Inilah punca sebenar inflasi menyebabkan harga rumah semakin naik dan semua barang semakin mahal. Jumlah wang dalam kitaran tidak sama dengan nilai ekonomi sebenar.

Danial Ho (moderator) = (33:04 – 33:13)

Assalamualaikum, Encik Helmi. *You have to share your slide.* Tadi sudah hilang. Kena kongsi semula. Ramai penonton yang bertanya untuk mendapatkan slaid ini.

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (33:14 – 33:17)

Oh, okey. *Page* berapa?

Danial Ho (moderator) = (33:18 – 33:20)

Share yang mana *you* sedang *present* sekarang.

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (33:22 – 44:08)

Okey. Minta maaf, ya. Sekejap. Okey. Nampak tak? Nampak, ya? Okey, minta maaf. Saya pergi kepada tiga slaid sebelum ini. Jadi, apa berlaku apabila hak kewangan telah dinafikan? Sudah tentu penerima awal wang fiat akan berterusan mendapat kelebihan daripada jumlah wang yang diperoleh mereka. Jadi, kaum Melayu yang sudah ketinggalan selama seabad, macam mana hendak mengejar? Mereka ini juga yang mendapat kelebihan wang fiat terawal ini, telah memiliki harta-harta penting di kawasan-kawasan bandar. Jadi, penduduk Melayu dan asli telah dihalau keluar dari kawasan bandar. Sekarang, memang datang semula ke bandar tetapi malangnya, sebagai pekerja, bukan lagi sebagai pemilik harta-harta penting di bandar-bandar utama. Jadi, kita melihat pada jadual ini, pada bekalan wang dan juga Keluaran Dalam Negeri Kasar. Pada tahun 1986, bekalan wang kita sebanyak RM14 juta

sahaja tetapi KDNK kita berjumlah RM71 juta, bermakna hampir empat kali ganda jumlahnya. Kalau kita melihat pada tahun 2020, bekalan wang kita hampir dua kali ganda daripada KDNK. Jadi, pertumbuhan bekalan wang tidak *match* dengan Keluaran Dalam Negara Kasar. Ini yang menyebabkan inflasi, gelembungan ekonomi dan pertambahan jurang antara yang kaya dengan yang miskin, harga rumah yang semakin meningkat. Ini yang perlu ditangani. Kita melihat pula pada hutang kerajaan. Bagaimana dengan hutang luar? Hutang luar semakin meningkat. Dari tahun 2019 ke tahun 2020, sudah meningkat begitu banyak sekali. Peratusan sebelum ini hanya *limit* kepada 55 tetapi disebabkan oleh COVID-19, *limit* itu telah *removed*. Pada suku ketiga tahun lepas, sudah mencecah 58 peratus tetapi saya percaya, jumlahnya telah lebih sekarang ini kerana kerajaan telah banyak kali mengumumkan mereka membuat pinjaman untuk menangani masalah COVID-19 yang berlaku. Ramai yang tidak mengetahui sebenarnya kebanyakan wang hari ini telah dicipta atas angin sahaja oleh bank-bank komersial, bank-bank swasta apabila mereka memberikan pinjaman. Rakan saya, Dato' Manab akan menjelaskan dengan lebih lanjut dalam segmen selepas ini. Saya harap para pendengar akan mendengar penjelasan Dato' Manab untuk memahami isu ini, bagaimana bank-bank swasta mencipta wang setiap kali, tidak kira sama ada individu, perniagaan atau kerajaan meminjam wang. Disebabkan penciptaan wang oleh bank-bank swasta, hampir 95 peratus daripada bekalan wang dalam kitaran kita dihasilkan oleh bank-bank komersial. Wang kertas dan wang syiling yang ada dalam dompet kita ini hanya lima peratus, selebihnya ialah wang-wang nombor yang dihasilkan oleh bank-bank komersial. Kalau kita berbalik pada gambar rajah ini tadi, kalau bangsa kita, umat Islam kita satu abad telah ketinggalan dari sudut kewangan, apa yang akan jadi dengan maqasid syariah? Apa yang akan jadi dengan perlindungan pada kekayaan kita? Bagaimana dengan iman masyarakat kita? Nabi SAW pernah bersabda, kemiskinan membawa kepada kekufuran. Ini yang berlaku. Semakin rakyat menjadi miskin, mereka menjadi semakin kufur, semakin hilang imannya. Bagaimana dengan kehidupan generasi kita pada masa hadapan, dengan hutang-hutang yang banyak oleh kerajaan? Sebenarnya hutang-hutang oleh kerajaan itu siapa yang perlu bayar? Kita yang perlu membayar. Kita, anak-anak kita, cucu-cucu kita. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana masa hadapan mereka sekiranya perkara ini tidak diperbetulkan dengan segera. Bagaimana pula dengan intelek, dengan minda, dengan kepandaian kita? Mereka yang mengawal sistem monetari ini boleh dengan senang sahaja hendak menukar sukatan pendidikan, sebagai contoh, dan akan menghasilkan generasi

baharu dengan mempunyai pemikiran yang berbeza, mungkin bertentangan dengan Islam. Jadi, semua ini mengancam kehidupan kita sebagai umat Islam di Malaysia secara khususnya dan begitu juga umat Islam di seluruh dunia. Jadi, apa penyelesaiannya? Apakah solusinya? Kami dalam MMJ mempunyai pakar-pakar seperti Presiden kami, Prof. Ahamed Kameel Mydin Meera dan Timbalan Presiden, saudara Zahid dan juga beberapa orang lagi pakar ekonomi yang telah memikirkan bagaimana untuk kita menangani masalah ini. Apa yang perlu kita selesaikan ialah kita perlu mengurangkan jurang ini. Apabila wang ialah sebahagian daripada ekonomi sebenar, maknanya pertambahan wang seimbang, selari dengan nilai ekonomi sebenar, maka barulah inflasi, gelembung ekonomi boleh dapat ditangani dan jurang antara yang kaya dengan yang miskin boleh dikurangkan. Jadi, kita perlu menghentikan pertambahan jumlah wang daripada melebihi pertambahan ekonomi sebenar. Kita kena menjadikan wang sebenar sebahagian daripada ekonomi sama ada emas, perak ataupun komoditi, contohnya minyak sawit. Tetapi tidak semestinya emas itu sendiri. Kita boleh menggunakan wang yang bersandarkan emas, bersandarkan sesuatu yang mempunyai nilai yang nyata, yang boleh menjadi pengukur yang nyata. Kita juga perlu menghapuskan faedah pinjaman. Faedah pinjaman ialah riba. Riba dalam ekonomi ialah sesuatu yang menyukarkan, virus kepada masyarakat. Virus yang akan memusnahkan masyarakat. Riba juga ialah satu-satunya dosa yang diisytiharkan perang oleh Allah SWT buat sesiapa yang mengamalkannya. Di sini saya ingin kongsi langkah-langkah yang kami sarankan. Kita sekarang berada pada tahap satu. Wang fiat dikeluarkan oleh bank-bank komersial. Sekarang, apa yang kita boleh lakukan ialah wang fiat dikeluarkan oleh kerajaan sendiri. Maknanya, kerajaan tidak perlu lagi meminjam. Dengan bahasa mudahnya, kerajaan perlu mencetak tetapi bukanlah mencetak, ada proses-proses tertentu. Yang nyatanya, kerajaan tidak meminjam. Kerajaan akan menggunakan wang yang dicetak oleh mereka untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan negara. Langkah ketiga pula adalah mencipta wang kripto yang dikeluarkan oleh kerajaan 100 peratus digital. Kerajaan juga mengendalikan sistem pembayaran negara dengan kaedah *netting*. Kaedah *netting* ini macam kontra. Contohnya, katakanlah, saya hendak membeli barang dengan saudara moderator bernilai RM10. Saya juga ada barang yang saudara moderator hendak beli dengan harga RM9. Kalau dengan sistem sedia ada, maknanya saya kena ada RM10, saudara moderator, Danny kena ada RM9. Jadi, RM19 kena wujud. Tetapi dengan sistem *netting*, saya ambil barang Danny, direkodkan, kemudian, Danny ambil barang saya, direkodkan. Jadi, pada akhirnya, RM1

sahaja diperlukan untuk melakukan transaksi tersebut. Dengan sistem *netting*, pelbagai ekonomi boleh dilakukan dengan hanya menggunakan wang yang sedikit dalam kitaran. Kemudian, kita mahukan wang berdaulat. Maknanya, wang yang dicipta ialah 100 peratus milik rakyat, milik kerajaan kerana kerajaan ialah milik rakyat. Jadi, wang itu sepatutnya digunakan untuk kesejahteraan rakyat. Berbeza dengan keadaan sekarang yang wang dicipta oleh bank-bank swasta. Yang akhir sekali, kita menggunakan wang yang bersandarkan emas, bersandarkan sesuatu yang nyata, malah bersandarkan minyak sawit. Kita mempunyai banyak minyak sawit. Jadi, kita boleh menggunakannya sebagai sandaran untuk memastikan kestabilan mata wang. Ia akan memberi jaminan, begitu juga kepada *exchange rate* negara. Ini boleh dilakukan. Kita sudah ada pemikir-pemikir dalam GKM yang boleh memberikan saranan bagaimana kita dapat melaksanakan sesuatu sistem kewangan yang memberi kesejahteraan kepada semua, bukan sahaja kepada umat Islam, malah kepada semua golongan di negara kita, Malaysia yang dicintai. Jadi, setakat itu sahaja pembentangan saya. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum wbt. Sekian, terima kasih.

Danial Ho (moderator) = (44:13 – 44:59)

Okey. Terima kasih, Encik Helmi atas pembentangan yang baik tadi. Kita mendapat beberapa soalan dari Facebook. Saya teruskan dengan soalan-soalan. Yang pertama, daripada Encik Fakhru Anuar. Kata beliau, “Inflasi ini masih okey, tuan. Apa pendapat tuan tentang deflasi? Boleh tuan sentuh sedikit tentang deflasi?” Soalan kedua adalah daripada Bahadru Hisham Adam, “Yang cetak wang fiat BNM, kan? Bagaimana bank boleh cipta pinjaman?” Itu dua soalan yang ada sekarang.

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (45:00 – 46:23)

Okey. Berkenaan dengan soalan saudara Fakhru tadi, deflasi. Tiada yang baik, tiada yang buruk. Dalam sistem kewangan, kita memerlukan keseimbangan. Inflasi disebabkan jumlah kitaran wang yang terlalu banyak dan deflasi sebaliknya. Kita melihat kepada data pada tahun 1986, yang saya kongsi tadi, walaupun jumlah wang yang sedikit, ekonomi masih boleh berjalan. Jadi, apa yang kita perlukan ialah keseimbangan. Ini yang perlu dikawal oleh satu badan yang memastikan apa jua hasil dalam ekonomi, apa jua yang berlaku dalam ekonomi adalah menjamin kesejahteraan rakyat. Itu pandangan saya. Berkenaan dengan yang mencetak wang fiat, wang fiat memang dicetak oleh Bank Negara tetapi kebanyakan wang dalam kitaran ialah wang nombor sahaja. Ini yang saya minta rakan-rakan penonton menunggu pembentangan oleh Dato’ Manap nanti. Beliau akan menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimana proses ini berlaku. Apabila sudah faham nanti, mungkin lebih mudah untuk nampak *the whole picture*. Okey.

Danial Ho (moderator) = (46:33 – 46:38)

Soalan bagaimana bank boleh mencipta pinjaman akan dijawab oleh Dato’ Manap?

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (46:40 – 47:56)

Secara terperinci, proses mekanisme itu akan ditunjukkan dengan lebih jelas oleh Dato’ Manap. Akan lebih jelas untuk difahami. Secara mudahnya, contohnya, melalui *accounting entry* sahaja, katakanlah saya pergi ke bank. Saya hendak meminjam RM1000. Apa bank akan buat? Dalam *accounting*, bank akan memasukkan RM1000 ke dalam akaun saya dan akan merekodkan RM1000 dalam akaun pinjaman saya. Dalam bahasa orang biasa, maknanya satu positif, satu negatif. Kalau mengikut *accounting* mereka, kosong tetapi wang yang dimasukkan ke dalam akaun simpanan saya tadi hanyalah nombor-nombor. Wang itu yang

akan berkitar dalam kitaran. Contohnya, saya meminjam tadi untuk membayar kereta. Jadi, daripada akaun bank saya, nombor-nombor akan dipindahkan ke akaun bank pihak lain, pihak yang menjual.

Danial Ho (moderator) = (47:57 – 48:14)

Alright. Seterusnya, saya ada soalan daripada Zara Mira Ros, “Kalau tuan tahu mengenai (gangguan teknikal) *change* wang fiat daripada emas atau sesuatu yang lebih bernilai.”

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (48:18 – 49:58)

Saya (?) *physic* tahulah, kalau (?) metal baru kali ini dengar. Apa yang kita perlukan dalam sistem kewangan ialah wang yang boleh menyimpan nilai. Ada tiga fungsi wang; menyimpan nilai, mengukur nilai dan sebagai *medium of exchange*. Apa juga wang yang menepati tiga fungsi ini, kita boleh gunakan. Tetapi kalau kita menggunakan apa-apa jenis wang sekali pun, selepas tiga, empat tahun, nilainya sudah berubah, malah mengikut apa yang saya pelajari daripada Sheikh Imran Hussin, wang kertas sekarang ini, kalau mengikut definisi al-Quran adalah haram kerana hilang nilainya. Merujuk kepada soalan Zara ini, kita perlu memastikan wang menyimpan nilai. Contohnya, katakanlah saya menyimpan RM3000 sekarang. Saya hendak mengahwinkan anak saya 10 tahun akan datang. Jadi, saya tahu RM3000 itu boleh membeli seekor lembu sekarang. Maknanya, selepas 10 tahun, duit yang saya simpan ini sepatutnya boleh membeli seekor lembu nanti. Tetapi apa yang berlaku sekarang, kalau saya menyimpan RM3000 untuk membeli lembu, selepas 10 tahun, hanya boleh membeli kambing.

Danial Ho (moderator) = (50:02 – 50:17)

Okey. Rasanya jelas, Encik Helmi. Soalan ini daripada Encik Hassan, “Kenapa *commercial bank* diberi peluang begitu besar untuk mengaut keuntungan?”

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (50:21 – 50:28)

Soalan ini satu isu politik, polisi...

Danial Ho (moderator) = (50:28 – 50:41)

Dan ada soalan tambahan yang *relate* sekali. “Apakah *effort* bank untuk mencipta wang ataupun apakah *justify effort* jika ia membuat wang atas angin?”

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (50:44 – 51:46)

Ini yang diperdebatkan oleh MMJ, bagaimana wang yang dicipta atas angin oleh bank-bank swasta dan keuntungan daripadanya berakhir dalam poket-poket mereka sendiri. Yang kita tahu, baru-baru ini, pelbagai bank telah mengisytiharkan keuntungan yang berbilion-bilion, sedangkan dari awal tahun 2020, rakyat telah menderita kerana COVID-19. Sebab itu MMJ mencadangkan wang dicipta oleh kerajaan, digunakan untuk kebajikan rakyat. Jika ada keuntungan dalam sistem perbankan itu, keuntungan itu sepatutnya terus kembali kepada rakyat. Dengan cara sistem bank awam ini, insya-Allah, kita boleh mengurangkan cukai, memberikan pendidikan percuma dan sebagainya.

Danial Ho (moderator) = (51:51 – 52:05)

Baik. Seterusnya, soalan daripada Abdul Muiz, “Sebelum ini, ada seorang Timbalan Menteri mencadangkan untuk mencetak duit bagi menampung keperluan rakyat. Apakah pandangan ahli panel?”

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (52:07 – 52:49)

Mencetak duit ini, betullah tetapi perlu ada satu perbankan awam, perbankan yang dimiliki 100 peratus oleh kerajaan dan perlu ada mekanisme, satu badan khas yang melapor diri kepada Parlimen untuk memastikan wang yang dicetak tidak melebihi ekonomi sebenar. Kalau melebihi, sudah tentu akan berlaku masalah-masalah yang lain. Kami memang menyokong cadangan beliau. Mencipta wang yang dimiliki oleh kerajaan.

Danial Ho (moderator) = (52:50 – 53:03)

Maksudnya, hanya (gangguan Internet) satu kuasa, punca kuasa, bukan daripada punca-punca kuasa lain.

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (53:06 – 53:09)

Sorry. Gangguan suara tadi. Boleh ulang semula, Danial?

Danial Ho (moderator) = (53:14 – 53:25)

Just hendak ulas jawapan tadi. Maksudnya, mereka ada banyak punca kuasa lain selain kerajaan yang mencipta wang sebenarnya. Betul?

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (53:30)

Betul.

Danial Ho (moderator) = (53:31 – 54:05)

Ada soalan daripada Man Yusuf, “Euroclear ialah bank proses duit konvensional hampir 897 trilion Euro setahun dalam ekonomi Eropah. Itu belum termasuk dunia secara keseluruhan. Dalam konteks ini, berapa besar target atau saiz untuk kita bermula dengan modal yang encik cadangkan ini?”

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (54:06 – 54:31)

Okey. Soalan ini sungguh teknikal. Jadi, dalam siri pembentangan sistem ekonomi, kita akan ada satu sesi khas oleh Presiden Movement of Monetary Justice, Prof. Ahamed Kameel Mydin Meera dan saya pasti, soalan ini amat sesuai untuk beliau jawab. Sungguh teknikal.

Danial Ho (moderator) = (55:21 – 56:59)

Sorry. Saya ada *connection error* tadi. Soalan seterusnya, daripada Kiroban Povon. Soalan tambahan daripada Encik Muiz tentang cadangan Timbalan Menteri. Katanya, “Timbalan Menteri ini dikritik dengan menyamakan situasi ini seperti Bougainvillea atau Zimbabwe. Maknanya, *hyper inflation*, nilai mata wang mereka tiada nilai. Jika saranan MMJ adalah untuk *print* wang bagi keluar daripada pandemik ini, macam mana kita hendak *avoid* perkara seperti di Zimbabwe dan di Bougainvillea berlaku di negara kita?” Saya rasa Encik Helmi ada masalah, gangguan Internet. Kita tunggu sekejap. Banyak soalan baru masuk. Semua soalan yang masuk tentang bank boleh mencipta wang. Kita mendapat banyak soalan, baru masuk daripada penonton. Encik Helmi mungkin *frozen* tadi semasa saya bertanyakan soalan daripada Kiroban. Encik Kiroban bertanya, “Timbalan Menteri dikritik dengan hebat kerana cadangannya boleh menyebabkan situasi itu menjadi seperti Zimbabwe atau Bougainvillea. Apakah yang berlaku di Zimbabwe dan bagaimanakah kita boleh *avoid* situasi ini?”

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (57:05 – 58:01)

Yalah. Apabila orang mendengar sahaja mencetak duit, memang secara automatik dikaitkan dengan Zimbabwe dan Bougainvillea. Tetapi jika kita mempunyai mekanisme macam saya katakan tadi, badan khas yang melaporkan diri kepada Parlimen, mereka mengawal, mengenal pasti, memastikan cetakan wang itu tidak melebihi ekonomi sebenar, insya-Allah, perkara ini boleh dikawal. Mungkin disebabkan ini sesuatu yang baharu, jadi telah ditakut-takutkan dengan apa yang berlaku di negara lain. Mungkin kita tidak mahu mencuba. Tetapi kalau kita tidak mencuba, maknanya kita tetap melakukan perkara yang sama, ini yang Albert Einstein katakan, melakukan perkara yang sama tetapi mengharapkan sesuatu yang lain. Itu apa yang beliau labelkan sebagai kerja gila.

Danial Ho (moderator) = (58:06 – 58:24)

Baik. Seterusnya, daripada Adrian, “Bank swasta hanya menandatangani dua hingga tiga peratus daripada *saving* mereka kepada Bank Negara. Bank mengeluarkan selebihnya untuk meminjam. Betulkah?”

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (58:28 – 59:18)

Jadi, kalau ikutkan di sini, maknanya kenyataan Adrian, bank swasta menandatangani dua hingga tiga peratus kepada Bank Negara. Tetapi kalau kita melihat pecahan wang, dalam ekonomi kita ada M0, M1, M2, M3. M1 ialah wang yang kita kongsi tadi. Kita mengetahui bahawa daripada data statistik yang terkumpul, 95 peratus wang yang dicipta dalam kitaran adalah daripada bank swasta dan wang-wang ini hanyalah nombor-nombor. Ini yang menyebabkan inflasi. Untuk lebih teknikal lagi, kita akan menyimpan soalan ini untuk dijawab oleh pakar-pakar selepas ini.

Danial Ho (moderator) = (59:21 – 01:00:03)

Baik. Saya sebenarnya sedang menunggu seorang pakar untuk masuk, iaitu Pengerusi Gerakan Keadilan Monetari, Prof. Ahamed Kameel, guru kepada Encik Helmi dan juga saya. Kita tunggu sekejap, ya. Ada soalan daripada Encik Sanshan. *As a conclusion*. "Bank di Malaysia sebenarnya ada berkorban untuk negara atau *customer* atau mereka hanya mengambil kesempatan dalam pandemik untuk mengaut lebih keuntungan? Bagaimana *approach* bank-bank di luar negara pula dalam pandemik ini jika dibandingkan dengan Malaysia?"

Tuan Helmi Shafandy Buhollia (pembentang) = (01:00:08 – 01:01:00)

Bagi saya, saya tidak boleh hendak bersetuju mengatakan bahawa mereka mengambil kesempatan. Mungkin modus operandi bank-bank itu sendiri yang memastikan mereka sentiasa mendapat keuntungan. Contohnya, berapa kali kita menghadapi *lockdown*, berapa kali ekonomi tidak berjalan tetapi pembayaran bulanan tetap perlu dijelaskan. Jadi, sistem yang sedia ada menyebabkan mereka tetap untung. Dalam sistem perbankan sekarang, sistem yang berasaskan riba ini, kekayaan hanya berjalan satu arah, iaitu dalam sistem itu sendiri. Tetapi di bank-bank di luar negara, saya tidak pasti pula. Mungkin perlu melakukan sedikit kajian untuk dibandingkan dengan Malaysia.

Danial Ho (moderator) = (01:01:06 – 01:01:17)

Baik. Kami sedang menunggu Prof. Kameel masuk. *Link* telah dikongsi. Assalamualaikum, Prof. Dato' Ahamed Kameel. Apa khabar?

Prof. Dato' Ahamed Kameel Mydin Meera (pembentang) = (01:01:19 – 01:01:20)

Assalamualaikum.

Danial Ho (moderator) = (01:01:22 – 01:01:48)

Prof., boleh *mute*? Okey. *Thank you*. Minta *mute* supaya tidak ada *live* dalam *live*. Baik. Terima kasih, Prof. Mungkin Prof. boleh menjawab soalan ini, daripada Abdul Karim, “Bank swasta mencipta wang daripada hutang. Adakah ia termasuk Bank Islam?”

(gangguan teknikal)

Danial Ho (moderator) = (01:03:26 – 01:03:46)

Saya masukkan Prof. dalam *backstage* supaya nanti Prof. boleh aturkan teknikal dengan *team*. Toqqi sudah *stand by*. Kita hendak menjemput Toqqi untuk memberikan sepatah dua kata tentang isu yang kita bincang pada hari ini. Silakan, Toqqi.

Dato’ Nadzim Johan (pembentang) = (01:03:47 – 01:21:23)

Thank you. *Banking issue* ini, *I think is one of the biggest issues* yang dihadapi oleh para pengguna di luar sana. *I would say at least 90 percent of rakyat Malaysia*, saya rasa, *at least* ada *saving account*. Jadi, daripada akaun simpanan ini, kita ada berurusan ataupun mempunyai keadaan-keadaan tertentu yang kita rasa kadang-kadang pihak bank tidak adil. Kami dengan MMJ sudah lama. *We appreciate what they are doing*. Kami rasa memang perlu ada badan-badan yang ditubuhkan bagi melihat aduan-aduan yang diterima. Sebenarnya, banyak aduan daripada pihak bank. Saya rasa sekarang ini PM orang nombor satu, bank orang atau kumpulan nombor dua. Kuasanya luar biasa. Ketika berlaku COVID-19, mereka tidak kisah apa pun. *What I’m trying to say*, kalau kita tengok yang terkini, berkaitan dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kewangan, saya hendak *highlight* yang ini kerana saya rasa ini cukup penting. Semalam kebetulan kami ada berjumpa dengan kumpulan-kumpulan Bersekutu termasuk PEMBELA, Dewan Perniagaan. Kami berkongsi beberapa perkara yang kami lihat kita ini betul-betul macam mentimun dengan durian. Apa yang dia buat, ya sahaja. Kena *charge*, bayar. Apa sahaja. Jarang-jarang dia akan mengikut kita. Ada juga apabila orang yang lebih kuat, dia akan menyaman bank. Bagi bank, tidak mengapa. *It’s not the problem because they have money, they can hire the lawyer*. Antara yang kita perlu lihat juga, kalau kes-kes yang diambil oleh pengguna untuk melawan bank yang betul-betul sebenarnya tidak adil, akhirnya kita akan mendapati satu situasi, peguam itu akan mengatakan, *as for now, I can’t act on your behalf anymore*. Itu pun antara perkara yang kami hadapi, sangat banyak. Ataupun cari peguam, *I can’t act for you because they are the panel*. Peguam memang

hendak menjadi panel bank, *most of them because it's lot of money. We have a situation.* Saya rasa, *we need an organization, mungkin led by MMJ because their specialist. We need to create, to form task force* yang melihat kepincangan atau kelemahan bank ini sendiri. Amalannya yang kita lihat amat menyakitkan hati sebenarnya. Contohnya, yang paling menyakitkan hati, baru-baru ini, kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kewangan yang mengatakan mereka tidak boleh mengarahkan bank untuk tidak mengenakan caj kali kedua semasa COVID-19 ini? Seorang YB mengatakan, dulu bank kata okey, sekarang caj pula. Tetapi sebenarnya, dia silap. Yang dulu, bank mengatakan okey tetapi sebenarnya tipu. Untuk makluman, tengok yang ini, "Moratorium sewa beli: Bank setuju tidak caj faedah, penalti lewat bayar." Ini semasa enam bulan yang pertama. Apabila hal ini terjadi, kita ingatkan okey, setelah dia memberi perakuan. Tetapi kami telah menerima aduan-aduan daripada orang ramai yang bank bukan setakat mengenakan pelbagai caj, malah mengenakan penalti dan dimasukkan ke dalam *principal borrowing* jumlah yang asal. Sebab itu bank mempunyai untuk yang lebih. Jadi, kami rasa perkara seperti ini perlu mendapat perhatian. Saya rasa kita juga kena *push the authority to be more strict with the banks* because nampak gayanya, mereka *the most respectable group*. Dari dulu memang mereka tidak ada masalah. Kalau ikutkan, pengguna tidak mampu. Mereka tidak pernah rugi daripada pengguna-pengguna biasa. Yang mereka rugi adalah dengan syarikat-syarikat yang meminjam beratus-ratus juta. Tetapi semua pengguna yang kena. Maknanya, tidak ada keadaan yang mereka tidak bermasalah. Apabila mereka hendak lelong, katakan kita meminta tempoh, bukan main susah, hendak lelong juga. Sebenarnya, mereka lelong lewat pun, mereka ada *charge of interest*, caj juga penalti. Mereka satu *group of corporate citizens* yang tidak ada masalah langsung, yang perlu dihormati, perlu diikuti sehinggakan yang terkini, kerajaan pun mengikut sangat. Jadi, saya rasa perkara ini tidak patut. Kalau kerajaan boleh membuat undang-undang, Ordinan Darurat tidak boleh diguna pakai ke? Sudah untung selama 60 tahun berniaga, tidak bolehkah sesekali berkorban? Ini bukan setakat tidak berkorban, kena penalti, kena caj, ada untung. *We don't see the function of bank* dalam kehidupan kita sebagai rakyat. Sebenarnya, terlalu banyak kes. Caj yang luar biasa pun memang ada. Kami ada rekod. Yang kami tengok, dalam macam-macam kes, contohnya, antara aduan atau kes yang banyak diterima ialah *mule account*. *Mule account*, kalau kita tengok betul-betul, sebenarnya yang kena ialah pemilik akaun. Polis pun mengatakan begitu. Saya bolehlah terima tetapi yang boleh dipersalahkan ialah pemilik akaun, mungkin diberikan akaun kepada

emek, abang, adik atau sesiapa. Kedua, yang boleh dipersalahkan juga ialah Telco kerana jika tidak ada Telco yang memberikan *line* sesuka hati yang tidak berdaftar, *scammer* tidak akan berani menggunakan nombor telefon dengan namanya sendiri. *They don't impose syarat and enforce the law*. Kalau tidak berdaftar dengan MCMC, caj Telco ini mungkin satu akaun tidak berdaftar, *Telco made a lot of money, similar to bank*. Ketiga, yang berkaitan ialah bank. Bank mempunyai polisi, *know your customer*. Jadi, cuba bayangkan. Orang yang membuka akaun, contohnya pelajar kolej yang baru *graduate*, tiba-tiba masuk berpuluh-puluh ribu ringgit tiap-tiap hari, mustahil tidak *check*. Ada keperluan untuk ia memantau akaun juga. Jadi, yang bertanggungjawab ialah bank, Telco dan pengguna. Tetapi yang dipenjarakan tentang *mule account* hanya pengguna. Begitu ramai pengguna yang ditahan. Saya mendapat maklumat, berpuluh-puluh ribu pengguna yang akan dicaj tentang penipuan ini. Satu *mule account* ini biasanya ada 30 hingga 40 transaksi. Satu transaksi itu polis akan memeriksa tanpa menyoal pihak bank atau pihak Telco. *We need to bring justice*. Jadi, kita berharap MMJ, malah kita perlu ada satu fasiliti yang boleh memberi kemudahan *for people to check because* orang tidak tahu hendak *check* dengan siapa. *Check* dengan peguam, cajnya terlalu tinggi. Tetapi kalau kita ada satu *centre or reference* yang kita *confidence*, boleh periksa. Apa yang saya katakan ini berdasarkan pengalaman kami yang menerima aduan. Contohnya, satu pengalaman kami, seorang perempuan, Mak Cik Rokiah tidak silap saya, dikatakan bankrap untuk RM80 juta. Beliau bankrap selama 13 tahun. Apabila beliau datang kepada kami, alhamdulillah, *we manage to solve the problem because* beliau pun tidak tahu. Beliau bekerja di sebuah syarikat. Bosnya *take advantage of her*, gunakan dokumen. *The point is she was not aware at all*. Tetapi tidak ada apa. *There is no further* ataupun *no punishment for the banking industry*. Nampak gayanya tidak ada kena apa-apa pun. Kalau kita tengok, kes-kes yang ada dengan kami, bayaran yang berkali-kali dibuat pun tidak ada rekod. Adrian pun ada menyebut baru-baru ini, bayaran berpuluh-puluh ribu ringgit, bertahun-tahun, rupa-rupanya hanya ditolak RM300, RM400, RM1000. *It's must be a way*. Antaranya, ini aduan yang saya hendak kongsi dengan tuan-tuan, ada seorang anak muda membeli sebuah kereta BMW. Selepas itu, dia membayar seperti biasa. Ada satu masa itu, dia membayar lebih. Dia perasan bahawa dia selalu *made payment in advance*. Ada sekali itu, dia tidak membayar sebulan. Namun, tidak mengapalah sebab sudah membayar lebih. Apa yang terjadi, apabila dia memohon pinjaman, bank mengatakan dia ada CTOS dan CCRIS *from the other bank*. Apabila disemak dengan bank kemudiannya, bank mengatakan *yes, you made payment but the*

payment diletakkan dalam *float account*. *Can you imagine?* Jadi, tidak ada apa. *This is too much. I need to do something. I really hope and appreciate effort* yang dibuat sebaik mungkin oleh MMJ, disambut oleh pihak-pihak lain kerana kita sekarang ini ditekan dan banyak yang telah kehilangan rumah atau bankrap atas sebab-sebab yang tidak adil. Ada pihak yang biasa bekerjasama dengan PPIM mengadu, umurnya sudah 54 tahun. Ketika dia datang berjumpa dengan kami, katanya bank hendak melelong rumahnya minggu hadapan kerana dia sudah lapan bulan tidak membayarnya. Kenapa tidak membayar? Kerana dia sakit. Dia meminta penangguhan tetapi tidak boleh. Bayaran sebulan hanya lebih kurang RM600, rumah harga sederhana. Dia telah membuat pinjaman hampir 30 tahun. Dia hendak menghabiskan yang tahun terkahir itu sahaja. Bank hendak juga melelong. Apabila kami menghubungi bank, kami bertanya kenapa tidak boleh menunggu? Lima bulan lagi, dia akan mendapat EPF, boleh ambil duit itu. Akhirnya, dapat diselesaikan. Inilah yang terjadi. Banyak lagi yang terjadi. Satu lagi, ada seorang kawan mendapat komisyen RM500 000 dan dia memasukkan komisyen ini ke dalam akaunnya. Dua hari kemudian, dia tengok sudah ada *credited* RM500 000. *The next day* dia pergi, duit sudah tidak ada. *Can you imagine?* Rupa-rupanya, orang memberi komisyen itu membuat laporan polis. Jadi, pihak bank memindahkan semula duit. Apabila kes ini sampai ke mahkamah, sehinggakan ke Mahkamah Rayuan pun, dia kalah kerana pihak bank menunjukkan semasa dia membuka akaun dahulu, ada *small print* yang menyatakan *the bank here by authorized to do anything*. Kadang-kadang logik itu sampai tidak ada. *We really hope this session can be continued and I think some of this issues, we have got to make legal action, police report or special task force to handle all the grievances of the consumers. Thank you.*

Danial Ho (moderator) = (01:21:26 – 01:22:32)

Terima kasih, Toqqi, berkongsi kisah-kisah dan aduan rakyat yang telah dipergunakan oleh industri perbankan. Tentu ada cara bagi menyelesaikan masalah ini jika kita bersatu hati untuk melawan ketidakadilan. Sejak 2010 lagi, Persatuan Pengguna Islam Malaysia melawan ketidakadilan bank tetapi kita memerlukan lebih ramai kumpulan dan persatuan untuk membantah kezaliman. Kita berharap ramai pihak akan menyambut untuk melawan bank yang tidak memberi keadilan kepada pengguna. Terima kasih banyak-banyak, Toqqi atas ulasan dan berkongsi cerita-cerita, aduan-aduan yang diterima oleh PPIM. Saya sedang

menunggu Dato' Abdul Manap untuk menyertai kita. Assalamualaikum wbt., Dato'. *How are you?*

Dato' Abdul Manap Abdul Wahab (pembentang) = (01:22:34 – 01:22:37)

Walaikumussalam wbt. Alhamdulillah.

Danial Ho (moderator) = (01:22:39 – 01:25:57)

Okey. Biar saya *update* kepada semua penonton. Assalamualaikum dan salam sejahtera kita ucapkan kepada penonton yang telah menonton sejak pukul 9.30 tadi dan yang baru masuk ketika ini. Jadi, kepada yang baru menyertai, hari ini kita akan membincangkan masalah-masalah yang berlaku dalam bank komersial sekarang. Kita melihat hari ini, rata-rata bank komersial tetap memperoleh keuntungan besar dalam keadaan negara yang dilanda wabak. Ada yang memperoleh RM400 juta *net profit*, ada yang RM600 juta, ada yang berbilion-bilion. Orang melihat bahawa dalam keadaan begini, macam mana mereka mampu menjalankan perniagaan dengan baik, sedangkan ramai yang berada dalam kesusahan? Apakah sebenarnya perniagaan sebuah bank? Hari ini, kita akan mendedahkan bagaimana sebuah institusi kewangan komersial mampu mencipta wang atas angin melalui pinjaman. Dato' Manap akan mengupas dan membincangkan bagaimana sebenarnya wang ini dicipta dalam sistem ekonomi kita pada hari ini dan juga apa kesan-kesan buruknya kepada rakyat dan sosioekonomi negara. Program kita pada hari ini dianjurkan oleh tiga NGO, iaitu Gabungan Demi Melayu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia dan Gerakan Keadilan Monetari Malaysia dan disokong oleh Majlis Tindakan Ekonomi Melayu, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Insan, Angkatan Kebangsaan Kesaksamaan Malaysia dan Majlis Perundingan Melayu. *Live* pada hari ini akan disiarkan melalui tiga *page*, iaitu di *page* PPIM, Demi Melayu dan juga Gerakan Keadilan Monetari. Saya, Danial Syahiran Ho akan menjadi moderator pada hari ini. Sedikit latar belakang yang saya ingin kongsi tentang pembentang kita pada hari ini. Dato' Abdul Manap Abdul Wahab ialah seorang bekas pegawai bank dan usahawan dengan pengalaman lebih daripada 25 tahun dalam dunia perbankan. Dato' Manap sebelum ini pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah Bank Islam terkemuka dan kini menjadi *Director* di beberapa *public listing companies*. Beliau juga mempunyai *Master Degree in Finance* daripada Universiti Hull, *Bachelor in Business Administration* daripada Universiti Ohio dan juga *Diploma of Accountancy* daripada UTM. Tanpa membuang masa, kami mempersilakan Dato' Abdul Manap untuk mengupas bagaimana bank boleh melakukan silap

mata dan mencipta wang baharu apabila memberikan pinjaman. Seperti biasa, jika ada soalan, boleh tanyakan di ruang komen dalam Facebook. Pada penghujung pembentangan, kami akan menjawab, insya-Allah. Tanpa membuang masa, kita mempersilakan Dato' Abdul Manap untuk pembentangan beliau.

Dato' Abdul Manap Abdul Wahab (pembentang) = (01:25:58 – 01:31:47)

Terima kasih. Assalamualaikum wbt. kepada semua yang hadir. Okey. Pembentangan saya ini agak teknikal sedikit, mengambil sedikit waktu. Jadi, saya harap para penonton bersabar ketika saya menjelaskan bagaimana bank mencipta wang. Okey. Isu saya bermula pada tahun 1981 ketika saya mula bekerja sebagai pegawai bank. Salah satu tugas saya pada sebelah petang apabila bank sudah ditutup adalah untuk mengira berapa wang yang ada di dalam peti simpanan. Jadi, katakanlah pada petang ini, jumlah wang yang ada di dalam peti besi ialah RM1 juta dan keesokan hari, pada waktu pagi, apabila bank dibuka, jumlah wang itu tetap RM1 juta. *Of course* dalam seharian itu ada keluar masuk wang. Tetapi apa yang menghairankan saya ketika itu ialah setiap hari pinjaman mungkin RM5 juta, kadang-kadang RM2 juta, RM3 juta. Ini sangat menghairankan saya, bagaimana dengan wang yang sedikit, bank boleh memberikan pinjaman begitu banyak. Saya bertanya kepada rakan-rakan di bank ketika itu. Mereka hanya memberitahu, debit (?). Saya tidak faham ketika itu, sehinggalah saya menjadi Pengurus Besar dan suatu ketika saya berhenti dari bank, kemudian diundang menjadi pegawai eksekutif sebuah Bank Islam. Di situ, saya dapat mengkaji semula bagaimana bank boleh memberi pinjaman yang sebegitu banyak walaupun wang yang ada hanya sedikit. Apabila saya bekerja dengan Bank Islam, salah satu yang sangat ketara ketika itu ialah larangan riba. Jadi, apa yang selalu di benak hati saya ialah Allah SWT mengharamkan riba. Allah SWT berfirman, tinggalkanlah sisa-sisa riba dan jika kita sebagai Muslim tidak mengerjakannya, maka Allah SWT dan Rasul-Nya akan memerangi kita. Ini selalu bermain di hati dan fikiran saya. Apakah perbankan Islam kita yang ada sekarang ini sudah meninggalkan sisa-sisa riba? Rasulullah SAW juga meninggalkan beberapa hadis untuk kita seperti orang yang memakan riba, perutnya sebesar rumah yang penuh dengan ular. Dosa orang-orang yang mengambil riba lebih berat daripada orang yang melakukan zina, 36 kali beratnya. Ada 70 tingkatan riba dan yang paling rendah adalah melakukan hubungan jenis dengan ibu sendiri. Jadi, isu riba pun ada hadis yang sebegini rupa. Saya mendalami apa itu isu riba. Jadi, saya akan membentangkan apa itu riba dan kenapa ia dilarang dalam Islam.

Okey. Ini *business of banking*. Maaf kalau saya ada menulis dalam bahasa Inggeris sedikit. Apa itu *business of banking*? Kalau kita melihat Financial Services Act 2013, *business of banking* bererti bank mengambil deposit, memberi pinjaman dan akan mengenakan kadar faedah dan peminjam akan ada hutang. Itulah perniagaan perbankan. Tetapi dalam al-Quran, Allah SWT menerangkan bahawa sesuatu yang dua kali ganda atau lebih ialah riba. Jadi, tinggalkan riba. Rasulullah SAW memberi satu definisi riba yang lebih mudah, iaitu pinjaman dengan lebihan. Jadi, setiap pinjaman yang kita ambil, sekiranya ada lebihan daripada pinjaman yang kita ambil, itu ialah riba. Riba ada dua jenis. Yang tadi ialah riba *nasiah*, iaitu riba disebabkan waktu dan satu lagi, riba mengenai pertukaran, dinamakan sebagai riba *al-Fadhl*. Al-Qadhi Abu Bakar mengatakan bahawa riba itu ialah sesuatu kenaikan atau pertukaran tanpa nilai balas. Imam Fakhruddin al-Razi juga mengatakan bahawa mengambil kekayaan orang lain tanpa memberi nilai balasan untuknya.

Danial Ho (moderator) = (01:31:47 – 01:32:09)

Sorry, Dato'. Dato' kena tekan full screen di top right untuk presenter mode. Bottom right, sorry.

(gangguan teknikal)

Danial Ho (moderator) = (01:36:01 – 01:39:46)

Minta maaf. Dato' Manap akan masuk semula dan kita cuba tengok kalau beliau boleh berkongsi slaid dengan kita. Saya hendak beritahu kepada pononton yang baru menyertai bahawa hari ini kita akan membincangkan isu-isu kewangan dan perbankan dalam sistem ekonomi negara kita dan juga luar negara. Jadi, saya berharap para penonton dapat bersabar. Rasanya rata-rata penonton di rumah, sama macam saya. Kita sedang menunggu Dato' Manap untuk menyertai semula. Jika ada soalan yang ingin diajukan kepada panel-panel, Dato' Manap, saudara Helmi atau Prof. Dato' Ahamed Kameel, boleh ajukan di ruangan komen Facebook di *page* yang anda sedang tonton sekarang. *Team* kami akan mendapatkan soalan anda untuk ditanyakan pada penghujung pembentangan. Baik. Ada beberapa bantuan yang kita dapat daripada penonton tentang slaid Dato' Manap. Mohon audiens terus bersama-sama kami sementara kami mendapatkan Dato' Manap semula. Sementara itu, kami ada Prof. Kameel yang mungkin boleh berkongsi beberapa pandangan dan kajian beliau sendiri tentang ekonomi Malaysia dan juga pembangkang. Dipersilakan Prof. untuk masuk. Assalamualaikum, Prof. Boleh *unmute* mikrofon. Jadi, mungkin kita ambil soalan-soalan sebelum ini yang belum dijawab oleh Saudara Helmi. Ada satu soalan tentang "Adakah penciptaan wang melalui pinjaman ini termasuk perbankan Islam atau perbankan Islam berbeza dengan sistem konvensional untuk mencipta wang?"

Prof. Dato' Ahamed Kameel Mydin Meera (pembentang) = (01:39:47 – 01:41:20)

Okey. Terima kasih kepada yang bertanyakan soalan itu. Sebenarnya, perbankan Islam pun tertakluk pada sistem perbankan. Yang membolehkan bank-bank mencipta wang ini ialah sistem *fractional reserve banking* sebab bank-bank Islam pun tertakluk pada sistem yang sama. Jadi, bank-bank Islam pun sebenarnya mencipta wang. Katakanlah, kita pergi ke bank-bank Islam untuk pembiayaan membeli rumah, RM500 000, jadi, bank akan mencipta wang itu atas angin. Selepas itu, bank akan membayar kepada penjual rumah. Pembeli rumah akan menjadi penghutang kepada bank. Walaupun bank membuat keuntungan

daripada jualan itu, penciptaan wang itu yang dipertikaikan. Kita mempertikaikan penciptaan wang oleh perbankan Islam. Saya rasa, ini menjawab soalan tadi. Insha-Allah, nanti Dato' Manap akan menunjukkan sistem perbankan daripada sistem perakaunannya, macam mana bank-bank Islam ini akan mencipta wang.

Danial Ho (moderator) = (01:41:21 – 01:41:34)

Soalan tambahan. "Bank-bank di negara kita milik siapa dan macam mana boleh berlaku ketidakadilan polisi mereka? Siapa yang mengendalikan lesen-lesen bank di negara kita?"

Prof. Dato' Ahamed Kameel Mydin Meera (pembentang) = (01:41:35 – 01:42:52)

Bank memang *regulated* oleh Bank Negara. Sebenarnya, Bank Negara pun sepatutnya berada di bawah *Ministry of Finance*. Tetapi yang peliknya, baru-baru ini Menteri Kewangan mengatakan kerajaan tiada kuasa ke atas bank-bank tentang moratorium. Sebenarnya, yang *regulated* institusi perbankan ini Bank Negara dan Bank Negara pula sepatutnya di bawah Kementerian Kewangan. Tetapi kita juga mengetahui bahawa perbankan tertakluk pada sistem dari luar. Yang tadi, satu (?) di bahagian atas daripada Bank Negara *is like Bank of International Settlement*. Saya rasa, Dato' Manap sudah bersedia. Selepas Dato' Manap, mungkin saya boleh sambung dengan soalan-soalan lain.

Danial Ho (moderator) = (01:42:53 – 01:43:20)

Baik. Terima kasih Prof. Kameel atas perkongsian sebentar tadi. *Dato' Manap, how's your screen? It's alright? Dato' kena mute your Facebook, gunakan Streamyard sahaja, ya. Bagaimana dengan screen share? Dato' boleh unmute.*

(gangguan teknikal)

Danial Ho (moderator) = (01:44:34 – 01:45:49)

Sekejap ya, para penonton. Masih tidak dapat untuk *full screen*. Penonton tidak dapat menghayati sepenuhnya. Saya pernah belajar daripada Dato' Manap tentang perakaunan apabila membuat pinjaman. Ia sangat menarik. Beliau menerangkan cara atau silap mata yang dilakukan oleh bank apabila mereka memberikan pinjaman. Dato' Manap dapat menerangkan secara sangat terperinci. Ia bagus untuk para penonton memahami bagaimana pihak bank menggunakan kaedah ini untuk mencipta wang baharu dalam sistem ekonomi

kita. *Dato', are you okay?* Saya rasa, *screen* ini cukup besar untuk dilihat oleh penonton. Saya rasa sudah boleh, Dato'.

Dato' Abdul Manap Abdul Wahab (pembentang) = (01:45:57 – 02:10:48)

Okey. Maaf ya, semua. Okey. Kalau kita lihat di sini, kenapa Islam melarang riba adalah disebabkan keadilan. Allah SWT memerintahkan kita menjadi orang yang menegakkan keadilan. Surah al-Mai'dah, Allah SWT berfirman, jadilah kamu sebagai penegak keadilan dan berlaku adil kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Seterusnya, dalam Surah al-Nisa', hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Surah al-Nahl, sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil. Surah al-Zalzalah, walaupun kebajikan seberat zarah ataupun kejahatan seberat zarah, juga kita akan diadili. Itulah dinamakan sebagai keadilan. Dalam Surah al-A'raf, Allah SWT berfirman, sempurnakanlah sukatan dan timbangan, janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara yang menjadi haknya, janganlah kamu membuat kerosakan. Jadi, dalam muamalat, urusan kita sesama manusia, keadilan itu sangat penting. Islam itu sebenarnya *not just a way of life, but a way of life based on justice*. Sekiranya tidak berlaku adil, maka kita akan menghadapi balasannya suatu hari nanti. Jadi, kalau lihat tadi, *business of banking* itu haram disebabkan oleh riba tetapi dalam Surah al-Baqarah, Allah SWT membenarkan jual beli dan mengharamkan riba. Jadi, riba itu haram tetapi jual beli itu dibenarkan. Disebabkan ayat ini, maka pengkaji-pengkaji Islam menubuhkan satu perbankan Islam. Apabila perbankan Islam ditubuhkan, maka kita lihat pula apa itu perbankan Islam. *What is business of islamic finance?* Definisi yang terbaik ialah kita mengambil daripada akta sendiri, iaitu Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013. Islamic Financial Services Act mengatakan bahawa *islamic banking business means accepting islamic deposits, paying or collecting cheques*. Sama dengan yang atas ini. Di sebelah sini, *provisions of finance*, sama juga dengan yang atas ini. Tetapi ditambah, *accordance with syariah*. Jadi, mengikut kaedah fiqah. Disebabkan itu, pakar-pakar perbankan Islam mengatakan tiada pinjaman dalam perbankan Islam. Kita menggunakan jual beli mengikut kaedah fiqah. Kita menggunakan kaedah *musyaraka*, *mudarabah*, *murabahah*, *salam* dan sebagainya. Jadi, persoalannya, apakah jual beli yang dikatakan itu benar-benar jual beli ataupun hanya sebagai satu kulit? Isu di sini ada dua. Sebenarnya, ada empat isu tetapi saya hanya mengambil dua untuk hari ini. Yang pertama

ialah apakah jual beli itu benar-benar jual beli ataupun hanya sekadar mekanisme. Yang kedua, wang siapa yang digunakan oleh bank sama ada konvensional ataupun Islamik untuk memberikan pinjaman. Apa yang kita belajar di universiti, yang diajar oleh profesor-profesor, apabila kita membaca buku-buku ekonomi, mereka menyatakan bank ialah satu orang tengah yang sangat efisien mengambil wang lebih daripada sektor-sektor ekonomi yang mempunyai simpanan dan memberikan pinjaman kepada sektor-sektor yang memerlukan pinjaman. Apakah ini benar? Kita lihat. *Scholar* perbankan Islam mengatakan produk-produk perbankan Islam mungkin hujungnya kelihatan sama seperti bank-bank konvensional tetapi mereka sebenarnya berbeza. Walaupun kita lihat yang di atas ini nasi ayam tetapi bezanya ayam yang dijual oleh bukan Muslim tidak disembelih, walhal nasi ayam Muslim, ayamnya disembelih. Jadi, ini perbezaannya. Apakah ini benar? Kita lihat satu atau dua produk yang sedia ada di perbankan Islam. Yang pertama, *Commodity Murabaha* atau di bank-bank lebih dikenali sebagai *Tawarruk*. Apabila kita mengambil pinjaman perumahan, pinjaman persendirian dan lain-lain, inilah cara perbankan Islam memberikan pinjaman. Pertama, bank membeli aset daripada *supplier* dan membayar. Kemudian, aset yang dibeli ini akan dijual kepada pelanggan. Kalau dibeli dengan harga RM100 000, maka dijual kepada pelanggan dengan harga RM100 000 dicampurkan dengan keuntungan, menjadi RM120 000. Pelanggan akan membayar pinjaman itu secara bulanan. Tetapi apabila bank menjual aset, minyak atau komoditi lain kepada pelanggan, pelanggan sekarang sudah ada minyak tetapi wangnya tiada. Jadi, pelanggan akan melantik bank untuk menjual minyak tersebut kepada satu badan pembeli dengan harga RM100 000. Maka, pelanggan akan mendapat wang sebanyak RM100 000. Persoalannya, apakah pelanggan apabila memasuki bank, hendak membeli minyak ataupun mengambil pinjaman? Apabila kita hendak membeli minyak petrol, kita pergi ke bank atau ke stesen minyak? Apabila kita hendak membeli minyak untuk memasak, kita beli di pasar raya atau di bank? Sudah tentu bank tidak menjual minyak-minyak tersebut. Bank hanya menggunakan minyak ataupun komoditi seperti ini sebagai mekanisme untuk membuat jual beli. Penjualan di bank bukan satu jualan yang sebenar-benarnya seperti yang kita hadapi di luar sebagai pengguna. Jadi, bank hanya menggunakan kaedah, *legal mekanisme* untuk menghalalkan jual beli. Kaedah ini juga telah diguna pakai oleh orang-orang Kristian 700 hingga 800 tahun dahulu kerana dalam Kristian juga mengharamkan riba. Maka, peminjam-peminjam yang sedia ada mencari jalan bagaimana hendak memberikan pinjaman. Mereka membuat *Contractum Trinius*, iaitu kontrak tiga parti yang setiap satunya

memang halal tetapi kalau dicantumkan ketiga-tiga kontak itu, ia dihadkan kepada satu pinjaman. Pihak gereja tidak dapat menghentikan sistem tersebut. Maka, di situlah pencerobohan riba dalam Kristian. Pada hari ini, saya berhubung dengan sahabat di bank-bank Islamik. Mereka mengatakan hari ini, semua produk mereka hanya menggunakan *Tawarruk*. Tidak ada *musyarakah*, tidak ada yang lain, hanya menggunakan *Tawarruk*. Salah seorang Imam Besar mengatakan hanya ada tiga sebab untuk kita membuat jual beli. Yang pertama, kita sebagai penjual. Jadi, kita membeli untuk membuat stok. Yang kedua, kita pengguna. Kita membeli untuk menggunakannya. Jadi, kalau penjual membeli laptop, hanya untuk menjual laptop. Kalau kita membeli laptop, bukan untuk dijual tetapi untuk digunakan. Yang ketiga, sebagai mekanisme untuk membuat pinjaman. Ini adalah haram. Ini satu lagi produk yang saya hendak kongsi. Kalau kita bertanya kepada pegawai-pegawai bank hari ini, produk ini sudah tidak diteruskan lagi kerana mereka menghadapi beberapa masalah. Tetapi saya hendak ceritakan juga mengenai produk ini kerana ramai yang terkesan dengan produk ini dahulu. Saya bagi satu contoh, kalau dahulu, Ahmad hendak membeli rumah, dia membayar 10 peratus deposit, dia hendak membuat pinjaman RM90 000 dengan *legal fee*, jadi RM948 000, maka bank akan membeli rumah ini daripada Ahmad. Rumah ini belum dibina, hanya baru membuat perjanjian. Jadi, Ahmad menjual rumah ini kepada bank dengan harga RM90 000 walaupun dibeli dengan harga RM100 000. Bank pula akan mengenakan kadar keuntungan sebanyak lapan peratus selama 30 tahun kerana Ahmad tidak mempunyai wang sebanyak RM90 000 untuk membeli rumah tersebut. Keuntungan bagi bank ialah sebanyak RM148 000. Maka, harga jualan kepada Ahmad ialah RM239 000. Setiap bulan Ahmad perlu membayar RM600 selama 30 tahun. Tetapi apa yang berlaku, setelah bank menjual semula kepada Ahmad, selepas tiga tahun, projek pemaju tergendala. Dalam masa tiga tahun itu, bank baru mengeluarkan RM26 000, RM63 000 lagi belum dikeluarkan. Apabila projek telah terbengkalai, maka bank menuntut daripada Ahmad untuk membayar semula. Persoalannya, berapa yang perlu dibayar oleh Ahmad kepada bank? Kalau bank konvensional, hanya akan meminta Ahmad membayar semula RM26 000 berserta faedah yang akan dikenakan. Tetapi bank-bank Islam meminta Ahmad membayar semula RM239 000. Persoalannya, apa yang Ahmad dapat untuk membayar RM239 000? Rumah pun tidak siap. Sekiranya jual beli itu sebenar-benarnya jual beli, bank sepatutnya menyiapkan rumah, barulah minta Ahmad untuk membayar RM239 000. Rumah tidak siap, terbengkalai dan Ahmad dituntut sebanyak RM239 000. Isu ini dibawa kepada perhatian PPIM. Banyak kali

kami berjumpa dengan pegawai-pegawai bank ketika itu. Kes ini berlaku pada tahun 2008 ke 2010, saya diminta untuk mengkaji isu ini. Apabila kami membawa kepada pakar-pakar syariah, mereka mengatakan itu satu jual beli. Yang sebenar-benar jual beli, apabila kita membayar, kita pasti mendapat barang. Yang ini barang tidak dapat tetapi kena membayar. Pada saya, ini satu penipuan. Alhamdulillah, setakat ini, saya diberitahu oleh Toqqi dan kawan-kawan lain, mereka sudah tidak menuntut. Tetapi kalau sudah tidak menuntut lagi, apa jadi dengan pelanggan? Ada pelanggan yang sudah dibankrapkan oleh bank. Hari ini mereka sedar bahawa jual beli itu tidak boleh diguna pakai, mustahil pelanggan terpaksa menanggung semua kesusahan. Lihat bagaimana bank menuntut. Apabila bank menuntut harga jualan, wang yang tidak dikeluarkan pun dituntut juga. Pada saya, ini tidak adil. Tetapi apa yang boleh melegakan hati sedikit ialah sekarang bank tidak menuntut. Persoalannya, apakah kontrak yang ada ini benar ataupun tidak? Kalau kontrak ini tidak benar, maka kontrak ini dibatalkan tetapi kalau kontrak ini sebenarnya memang kontrak jual beli, maka jualan itu belum selesai kerana dalam jual beli, mesti ada barang yang perlu diserahkan. Jadi, bank menghadapi masalah ini. Hari ini, produk ini tidak diguna pakai lagi. Saya pernah berhubung dengan seorang pakar syariah dan bertanya, apakah jual beli itu mesti benar? Pakar tersebut mengatakan perbankan islamik bukan *trader* yang sebenarnya dan mereka tidak boleh menjadi *real trader* atas lima sebab. Persoalannya, apakah perbankan Islam yang membuat produk-produk mereka menggunakan struktur jual beli ini benar atau tidak? Bagi saya, tidak benar. Mungkin ada orang yang tanya, apa yang dia buat semasa dia di bank dahulu? Banyak isu yang saya buat. Saya pernah membuat *musyarakah* yang sebenar-benarnya. Ketika kita hendak membuat produk *musyarakah*, *capital requirement* ditingkatkan sebanyak 300 peratus tetapi kalau kita membuat hutang, *capital requirement* ketika itu hanya 80 peratus. Jadi, modal yang diperlukan lebih kecil sekiranya kita hendak membuat *musyarakah* yang sebenar-benarnya. Ini satu lagi ayat al-Quran yang saya hendak tunjukkan. Dalam Surah al-Nisa' ayat 154, Allah SWT berfirman kepada orang Yahudi, hari Sabtu tidak boleh membuat kerja dan Allah SWT mengambil satu perjanjian dengan mereka. Dalam Surah al-A'raf ayat 163, Allah SWT berfirman bahawa hari Sabtu, Allah SWT menjadikan di kawasan Yahudi tersebut, ikan-ikan melompat di atas air. Tetapi mereka tidak boleh menangkap ikan. Hari Sabtu tidak boleh menangkap ikan. Hari Jumaat hingga Ahad tiada ikan, hanya hari Sabtu yang ada ikan. Orang-orang Yahudi ketika itu gigit jari. Macam mana hendak buat? Maka, apa yang dibuat ialah mereka memasukkan sangkar pada hari

Jumaat. Hari Sabtu, ikan-ikan terperangkap di dalam sangkar. Hari Ahad, mereka mengangkat sangkar yang penuh dengan ikan tersebut. Persoalannya di sini, apakah mereka menangkap ikan pada hari Sabtu? Soalan ini sama dengan perbankan Islam. Riba diharamkan tetapi jual beli dibenarkan. Persoalannya, apakah kita benar-benar berjual beli? Apa yang berlaku kepada orang-orang Yahudi ialah apabila mereka melampaui batas, maka Allah SWT menukarkan mereka menjadi kera. Ibnu Kathir dalam terjemahannya mengatakan, sebab mereka itu menipu. Jadi, kita lihat perbankan Islam. Apakah perbankan Islam benar-benar berjual beli? Berapa banyak minyak yang telah dijual oleh bank? Berapa banyak minyak yang telah dibeli oleh pelanggan-pelanggan? Satu titik pun tidak melalui bank. Pegawai bank tidak pernah melihat satu titik pun. Apakah jual beli itu benar-benar dikatakan jual beli? Dalam jual beli, sesiapa yang membuat bisnis sepertimana yang kita hadapai COVID-19 sekarang ini, apabila ada *lockdown*, kita tiada bisnis, kita tiada pelanggan. Tetapi walaupun dalam keadaan *lockdown*, *interest* bank ataupun dalam perbankan Islam dikatakan *profit*, terus berjalan. Sebab dikatakan sudah ada *murabahah agreement*. Jadi, *murabahah* dalam harga beli sudah termasuk. Jadi, kita terpaksa membayar jumlah itu dalam keadaan moratorium. Bisnes kita hancur tetapi bank tetap membuat keuntungan dengan banyak. Pada tahun lepas sahaja, mereka membuat keuntungan sebanyak RM34 bilion. Jadi, dari mana datangnya keuntungan seperti ini apabila masyarakat sedang dilanda dengan masalah COVID-19? Isu yang seterusnya, isu produk. Isu yang saya katakan tadi, apakah bank sepertimana yang dinyatakan dalam buku-buku ekonomi, mereka mengatakan *bank as an efficient financial intermediary*, mengambil deposit lebih daripada ekonomi dan memberi pinjaman kepada defisit sektor ekonomi. Apakah ini benar? Jadi, apa yang berlaku di sini, apabila kita melihat kelihatan seperti benar tetapi di belakang ayam ini, sebenarnya ialah babi. Apakah nasi ayam ini masih halal ataupun tidak? Jadi, ini persoalannya. Okey. Penonton mesti memahami sedikit tentang *accounting*. Ini Ahmad. Ahmad memerlukan wang sebanyak RM100. Ini Ah Chong, kawan baiknya. Ah Chong ada RM100. Ahmad berjumpa dengan Ah Chong dan meminta untuk meminjam RM100. Disebabkan Ahmad ialah kawan baik, maka Ah Chong meminjamkan RM100 kepada Ahmad. Jadi, Ah Chong sudah tidak ada duit. Datang seorang lagi kawan Ah Chong bernama Raju dan meminta pinjaman sebanyak RM50. Bolehkah Ah Chong memberikannya? Sudah tentu tidak. Okey. Kalau kita seorang peniaga, kita akan bermula dengan modal sebanyak RM200 juta, *cash* pun RM200 juta. Pada hari kedua, peniaga membeli stok sebanyak RM100 juta. Apabila dia membeli stok sebanyak RM100 juta,

maka *cash* akan berkurangan menjadi RM100 juta. Stok akan meningkat sebanyak RM100 juta.

Danial Ho (moderator) = (02:10:49 – 02:11:20)

Sorry, Dato'. Saya cuba kongsikan, saya ada *file* ini. Saya cuba kongsikan sekejap kalau boleh supaya nanti Dato' *just say next* dan saya akan *assist* dari sini sebab saya rasa ini sangat penting untuk dikongsikan. Sekejap, saya *share screen*.

(cubaan perkongsian slaid)

Danial Ho (moderator) = (02:12:55 – 02:13:20)

Sebentar. Mohon penonton bersabar sementara kami mengendalikan slaid ini. Bahagian *accounting* ini ialah bahagian yang sangat penting untuk difahami oleh ramai orang kerana kami merasakan bahawa hanya sebilangan populasi dunia yang memahami apa yang diterangkan oleh Dato' Manap. Sekejap, ya.

(cubaan perkongsian slaid)

Danial Ho (moderator) = (02:14:16 – 02:14:34)

Mohon para penonton bersabar. Lebih kurang 100 orang penonton masih bersama-sama kita sejak tadi. Alhamdulillah, *thank you so much* kepada penonton-penonton yang masih bersama-sama kami.

(cubaan perkongsian slaid)

Danial Ho (moderator) = (02:14:46 – 02:14:48)

Baik. Saya cuba kongsi sekarang.

(cubaan perkongsian slaid)

Dato' Abdul Manap Abdul Wahab (pembentang) = (02:15:49 – 02:37:10)

Okay, this is the question, what do we call something that's not real? Jawapan di atas itu. Question one is the question that I ask the syariah member and his answer is that. Islamic bank is not a real trader and they cannot be a real trader atas sebab-sebab tertentu. Jadi, persoalannya, apa yang kita panggil sesuatu barang yang tidak *real*. Itu jawab sendiri. *Okey, this is the surah that I was saying, mengenai Sabbath, orang Yahudi tidak dibenarkan bekerja pada hari Sabtu. Maka, pada hari Sabtu, Allah SWT menjadikan ikan melompat-lompat di atas air. Tetapi mereka tidak boleh menangkap ikan. Hari Ahad hingga hari Jumaat tidak ada ikan, Sabtu ada ikan tetapi tidak boleh tangkap. That's a huge challenge. Jadi, apa yang perlu mereka buat? Okey. Apa yang dilakukan oleh mereka ialah mereka memasukkan sangkar pada hari Jumaat, hari Sabtu ikan masuk, hari Ahad dapat menangkap ikan. Persoalannya, apakah mereka menangkap ikan pada hari Sabtu? Sudah tentu jawapannya tidak. Apa yang terjadi kepada mereka? Surah al-A'raf ayat 166, apabila mereka melampaui batas, Allah SWT menjadikan mereka sebagai kera ataupun monyet. Dalam keterangan Ibnu Kathir, beliau mengatakan, sebab mereka menipu. Jadi, kita lihat semula. Apakah perbankan Islam kita benar atau tidak? Itu kita jawab sendiri. Saya pasti pakar syariah akan mengatakan tidak tetapi kita lihat sendiri. Isu yang lebih besar daripada produk yang dibuat oleh mereka ialah isu yang ini. Ini lebih besar daripada isu produk. Di sinilah tadi saya mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda bahawa riba itu ada 77 tingkatan dan yang paling rendah adalah seperti seorang lelaki melakukan zina dengan ibu sendiri dan ada yang mengatakan di hadapan Kaabah. Ertinya, seorang lelaki dengan ibunya sendiri melakukan zina di hadapan Kaabah dan orang masih bertawaf, tidak melarang perbuatan mereka. Ini yang sedang*

berlaku. Riba sekarang di sekeliling kita tetapi semua orang mengatakan bahawa perbankan Islam yang ada hari ini bukan riba. Saya bukan menuduh perbankan Islam. Ini juga isu dengan perbankan konvensional. Riba bukan hanya disebabkan oleh *interest* tetapi isu yang saya akan terangkan sekarang ini. Okey. Bisnes ini memerlukan modal sebanyak RM200 000. Jadi, *capital* RM200 000, *cash* pun RM200 000. Pada hari kedua, peniaga membeli stok sebanyak RM100 000 dan membayar tunai. Apa yang akan berlaku, stok akan meningkat sebanyak RM100 000, tunai akan berkurangan sebanyak RM100 000. Bakinya, masih RM200 000. Pada hari ketiga, penjual menjual barangan sebanyak RM60 000, hutang dan dia juga memberikan pinjaman sebanyak RM30 000 kepada staf. *Entry* yang berlaku di sini, kita lihat, *entry* pertama, menjual stok sebanyak RM60 000 dengan kredit, maka stok akan berkurangan sebanyak RM60 000, tinggal RM40 000. *Entry* kedua, *trade debtor* akan meningkat sebanyak RM60 000. *Next entry*, memberi pinjaman kepada staf sebanyak RM30 000, maka tunai berkurangan RM30 000, tinggal baki RM70 000 dan pinjaman staf akan meningkat sebanyak RM30 000. Jadi, jumlah keseluruhan masih tetap RM200 000. Kita lihat di sini, setiap perubahan yang berlaku hanya di sebelah aset. Sekarang kita lihat yang seterusnya. Jadi, setiap kali dia menggunakan wang, wang akan berkurangan dan jumlah tidak berubah. Bank pun bermula dengan RM200 000 pada hari pertama. Pada hari kedua, bank memberi pinjaman sebanyak RM100 000. Kita ikut jumlah yang sama dengan *trader* tadi.. Jadi, apa *accounting entry*? Kebanyakan orang akan memberi *accounting entry* seperti ini. *Cash* akan berkurangan sebanyak RM100 000. *Debtor* akan meningkat sebanyak RM100 000, maka *balance sheet* masih sama, RM100 000. Jadi, kalau kita melihat di situ, masih sama. Tetapi ini tidak benar. Ini bukan *accounting entry* bank-bank. *Accounting entry* bank berbeza daripada apa yang kita lihat di sini. Ini baru *the real business of banking*. Okey. Ini apa yang kita lihat tadi. *This is the secret of banking*. Apabila bank memberi pinjaman sebanyak RM100 000, *debtor* sama. Kita lihat seperti di atas itu, sama. *Entry* sebenarnya ialah yang bank memasukkan ke dalam akaun simpanan. Kalau kita membeli kereta, maka akan dimasukkan RM100 000 ke dalam akaun penjual. Apabila dimasukkan RM100 000 ke dalam akaun penjual, kita lihat apa yang berlaku, *balance sheet* sudah meningkat ke RM300 000, *cash* masih sama. Wang tunai satu sen pun tidak digunakan. Jadi, bank tidak menggunakan wang untuk memberikan pinjaman. Bank mencipta wang dalam proses pinjaman. Kalau tidak ada pinjaman, tidak ada hutang. Kita lihat yang seterusnya. Ini tadi hari yang kedua, yang dia atas itu. Kita lihat hari ketiga, bank memberikan *term loan* sebanyak RM60 000, jadi *debtor* RM60

000 dan *credit account* sebanyak RM60 000. Kita lihat, *debtor* di sini meningkat dengan RM60 000, walhal di sini kredit dengan RM60 000. Jadi, mana datangnya RM60 000 ini? Bank *disburse personal loan* sebanyak RM30 000. Maka, pinjaman sebanyak RM190 000. Kita lihat, *balance* sudah meningkat kepada RM390 000. Tetapi baki tunai masih sama, RM200 000. Macam mana bank memberikan pinjaman RM190 000 tetapi baki tunai masih RM200 000? Ini yang ramai orang tidak faham dan ramai pegawai bank sendiri pun tidak faham kerana mereka tidak mengkaji hal ini. Saya mengkaji hal ini. Kita tengok, *balance sheet* sudah meningkat daripada RM200 000 kepada RM390 000. Persoalannya, *where di the money of RM190 000 come from?* Itulah yang dinamakan *credit created from debt*. Apa yang bank berikan pinjaman ini kredit. Ia mencipta wang daripada setiap pinjaman yang kita ambil dan memasukkan wang ke dalam akaun. Ia tidak memerlukan wang. Ia hanya mencipta daripada pinjaman yang kita lakukan. Kalau kita tidak melakukan pinjaman, bank tidak mencipta wang dan tidak boleh membuat keuntungan. Ramai orang tidak akan menyoal isu ini disebabkan apabila kredit dimasukkan ke dalam akaun kita, kita boleh menggunakan kredit itu. Ia menjadi duit. Kita boleh menggunakannya. Jadi, kita tidak mempersoalkan. Tetapi ini isu riba. Kalau kita melihat nombor satu di bawah, bank meminjamkan kredit. Itu tidak mengapa, *accounting entry* sahaja, dimasukkan ke dalam akaun kita. Apabila dimasukkan *credit entry* ini, ia menjadi wang, kita boleh mengguna pakai. Tetapi ia dimasukkan hanya daripada hutang, tidak memerlukan wang. *No debt, no credit*. Tidak ada hutang, bank tidak boleh mencipta kredit tersebut. Nombor tiga, *banks do not lend depositors money and banks do not need money to lend*. Jadi, bank tidak memerlukan untuk memberi pinjaman. Wang yang ada di bank pula ialah apabila kita memerlukan wang. Jadi, kita menukarkan kredit tersebut dengan wang kertas. Sebab itu ia perlu menyimpan sedikit wang. *Banks are not financial intermediaries*. Mereka bukan orang tengah ataupun perniagaan yang mengambil wang daripada pelanggan. Jadi, apa yang kita belajar di universiti, dengan buku-buku ekonomi, semuanya tidak betul. Kita lihat di bawah, apa itu riba? *An increase or exchange without counter-value*. Ia hanya mengkreditkan ke dalam akaun kita. Apabila kita mengambil pinjaman tersebut, bank mencipta wang daripada pinjaman yang kita ambil tetapi apabila kita hendak membayar pinjaman tersebut, kita mesti berusaha, baru kita dapat membayar. Bank hanya mencipta. Ibnu Kathir juga menyatakan bahawa wang itu melambangkan keringat. Sebab itu tidak boleh susut nilai dalam mata wang tersebut. Apabila ada susut nilai, ertinya orang mencuri titik peluh kita. Sebab itu riba itu haram. Okey. Ini saya tunjukkan satu

lagi cara, benda yang sama tetapi saya cuba menunjukkan kaedah lain. Modal awal ialah RM200 000, tunai RM200 000. Apabila kita memberikan pinjaman yang pertama, RM100 000, lihat, *debtor* dahulu, baru ada *depositor*. Bank debit, baru bank kredit. Daripada RM200 000, sekarang menjadi RM690 000. Dari mana deposit ini datang? *It's not from the cash in the bank. The bank only have cash RM200 000.* Mana datangnya RM490 000? Inilah yang dikatakan ciptaan oleh bank. Ciptaan ini daripada hutang yang kita ambil dan bank akan membuat keuntungan berbilion-bilion. *Whose money did the bank use to lend? It's credit. Nobody's money.* Jadi, kalau kita bandingkan *trader's balance sheet* dengan *bank's balance sheet*, tidak kira konvensional ataupun islamik, di sini kita lihat, yang pertama, apabila peniaga memberi pinjaman, tunainya akan berkurang, walhal apabila bank memberi pinjaman, tunainya masih tetap sama. Perubahan bagi *trader*, apabila mereka menjual dengan hutang, hanya berlaku di bahagian aset *balance sheet*, walhal di bank, ia berlaku di bahagian aset dan di liabiliti. Itu yang menyebabkan *balance sheet* itu akan meningkat. Jadi, kita lihat, *trader no increase in the balance sheet* tetapi *for the bank, increase in the balance sheet*. RM100 000, RM60 000 dan RM30 000 ialah wang yang dicipta daripada hutang yang kita ambil. Tidak ada hutang, bank tidak boleh mencipta wang. Bank tidak memberikan kita wang. Bank hanya mencipta wang. Semasa saya di bank, saya tidak belajar semua ini, saya mencari sendiri sebab saya rasa, ada yang tidak kena dengan bank. Saya hendak tunjukkan satu lagi. Saya hanya hendak menunjukkan di sini *accounting entry*. Kalau sebuah bank membuka bisnes tanpa tunai, ini boleh berlaku dan akan berlaku dalam dunia digital hari ini. Dalam dunia digital, apabila wang itu dikreditkan ke dalam akaun kita, kita boleh membayar melalui telefon bimbit dan sebagainya. Jadi, kita lihat, bank sudah meluluskan satu *murabahah financing* atau apa-apa *financing* kepada Ali yang membeli kilang daripada Star Properties. Apa yang akan berlaku, *loan account* Ali akan didebitkan sebanyak RM5 juta dan akaun Star akan dikreditkan dengan RM5 juta. *The balance sheet is zero.* Debit akaun Ali sebanyak RM5 juta sebagai peminjam. Kredit akaun Star sebagai penjual. Daripada tidak ada wang, sudah ada RM5 juta. Yang kedua, *Tawarruk personal financing to Siti RM200 000.* Debit akaun Siti sebagai peminjam, RM200 000 dan kredit akaun Siti sebanyak RM200 000. Lagi satu, RM600 000, Haji Mat membeli kereta. Debit akaun Haji Mat, RM600 000 dan kredit *bankers cheque*, RM650 000. Daripada *zero cash*, tiba-tiba ada RM5.85 juta. Kalau bank caj interest 10 peratus, bank akan membuat keuntungan sebanyak RM585 000. Daripada mana? Daripada debit. Ini saya hantar kepada seorang kawan saya di perbankan islamik. Saya tanya,

saya hendak tahu *accounting entries for financing disbursement for the following products*. Saya tanya sebab saya sudah lama meninggalkan bank. Beliau mengatakan seperti itu. Jadi, saya tanya lagi, *actual disbursement kitacredit cash* atau *credit account*? Apa jawapannya, sekarang ini semua *credit account through online or IBG*. Jadi, tidak menggunakan wang. Dahulu, apabila saya hendak menceritakan hal ini, tiada orang yang percaya. Tetapi pada tahun 2014, Year Quarter 1, "*Money creation in the modern economy by bank of England*." Mereka mengatakan, *money creation in practice differs from some popular misconceptions*. Jadi, ciptaan wang itu berbeza daripada apa yang kita tahu. *Banks do not at simply in intermediaries, lending out deposits that savers place with them and nor do they multiply up central bank money to create new loans and deposits*. Mereka mengatakan, apabila sesebuah bank memberikan pinjaman ataupun hutang, *it simultaneously creates a matching deposit in the borrower's bank account, thereby creating new money*. Ini bukan saya yang kata. Sesiapa yang hendak mendalami isu ini, *search for this paper, it's on Google*.

Danial Ho (moderator) = (02:37:11 – 02:37:16)

Jadi, bank-bank pusat di negara-negara lain sudah memperakui perkara ini.

Dato' Abdul Manap Abdul Wahab (pembentang) = (02:37:18 – 03:03:41)

Betul. *The reality of how money is created today differs from the description found in some economics textbooks*. Ia terang-terang mengaku bahawa apa yang kita belajar, apa yang diajarkan kepada kita, sengaja mereka mengajarkan begini supaya kita tidak memahami sistem yang sebenar. Sistem inilah yang menjatuhkan Palestin, Iraq, Libya dan negara-negara yang lain. Mereka boleh menciptakan wang dengan sekelip mata dan menggunakan wang ini untuk membeli alat-alat peperangan dan sebagainya dan membeli minyak dengan tiada nilai pun. Dengan mencipta wang mereka boleh membeli minyak. Kita dengan bodohnya menjual kepada mereka. Ini ceritanya panjang. *Rather the banks receiving deposits when households save and the lending them out, bank lending creates deposits*. Ini sudah diakui bank. Ada yang kata saya tidak betul, katanya, perbankan Islam di Malaysia lain. *Of course* kalau mereka menggunakan *accounting entry*, betul tetapi mana ada duit di bank yang boleh memberi pinjaman sebegitu banyak. Baca betul-betul, kaji di bank betul-betul. Barulah kita boleh mencari satu solusi. Kalau kita meneruskan dengan cara yang sedia ada dan kita tidak menyedari cara ini salah, maka kita akan terus seperti Rasulullah SAW bersabda, pada penghujung zaman, akan ada umat-umat Islam seperti masuk lubang biawak. Sekarang ini,

orang Islam yang mengatakan sistem ini betul. Sebab itu tiada tentangan daripada orang kafir tentang perbankan Islam. Okey. Germany's Bundesbank mengatakan *creation of banks money; both the central banks and private commercial banks can create money, arises mainly through the granting of loans. Money is created as a book-entry. Credit money is created out of thin air.* Dalam Surah al-Baqarah, Allah SWT berfirman, jangan kalian memakan harta kalian di antara jalan yang batil. *In English, eat not your property among yourselves unjustly by falsehood and deception. Are credit creation not false? Are credit creation not deceptive and just?* Kalau kita memahami sistem ini betul-betul, *then we know that is false, deceptive and unjust.* Dalam Surah al-Mutaffifin, banyak definisinya. Mohsin Khan mengatakan *those who give less in measure and weight.* Yusuf Ali mengatakan *those who deal in fraud.* Shakir and Pickhal mengatakan *those who are defrauders.* Mohd Asad mengatakan *those who give short measure.* Jadi, secara asasnya, mereka menipu. *So, is credit creation fraud? If yes, who are the defrauders?* Ini persoalan yang kita kena tanya. Allah SWT memberikan akal untuk kita berfikir. Terdapat 189 ayat yang hujungnya Allah SWT mengatakan apakah kamu tidak berfikir? (petikan ayat al-Quran) Hanya untuk orang-orang yang berfikir. Jadi, apabila kita mengetahui perkara ini salah dan melemahkan ummah, maka kita perlu mencari jalan. Bagi saya, jalannya bukan melalui perbankan islamik. Seperti yang saya katakan tadi, saya bukan anti perbankan islamik tetapi saya mengatakan perbankan islamik ini menggunakan wadah yang sama, *same model and same framework as the conventional banking. It can't be any difference.* Sebab itu kita menghadapi masalah yang sama dengan perbankan Islam. Allah SWT berjanji untuk berperang dengan riba. *What is the war on riba?* The Telegraph pada tahun 2014 mengatakan *UK government to pay back all World War One debt.* Hutang Perang Dunia Pertama belum diselesaikan. Inilah cengkaman riba. Jadi, siapa yang memperkayakan siapa? Orang yang memberi hutang tersebut. Kita lihat pula di sini. Isu sekarang ini ramai *scholar* menyatakan tidak boleh menyamakan perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Mereka kena mengkaji, kena belajar apa itu perbankan. Isu perbankan sekarang hanya sejak 1971, *the new financial system, the new banking system.* Disebabkan kita tidak memahami sistem perbankan, maka kita menggunakan wadah yang sama. Sebelum tahun 1971, kalau kita hendak mengetahui sedikit sejarah, dari tahun 1944 hingga tahun 1971, kita menggunakan sistem Bretton Woods. Ketika itu, wang adalah disandarkan dengan emas. Apabila disandarkan dengan emas, maka ia tidak boleh mencetak lebih daripada apa yang dipersetujui. Ketika itu, satu auns emas, mereka

